

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,
Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberi maklumat penting tentang insurans hayat anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

200701032867 (790895-D)

Tarikh: 12/10/2025

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1 Apakah A-LifeTime Secure?

A-LifeTime Secure menawarkan perlindungan insurans sehingga Insured mencapai umur 100 tahun. Ia membayar manfaat kematian sekaligus jika anda meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)¹ semasa tempoh polisi.

¹Perlindungan TPD adalah sehingga umur 65 tahun (jika manfaat tersebut diberikan). Manfaat ini diberikan tanpa caj-caj tambahan untuk piawaian hayat biasa bagi umur penyertaan 60 tahun dan ke bawah.

Nota: Sila rujuk kepada Penerangan Pelan Asas dalam Lampiran untuk butiran lanjut.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM5,775.00 tahunan, anda akan menerima perlindungan / manfaat-manfaat insurans hayat berikut:	
Manfaat Kematiaan	RM 500,000 ("Jumlah Asas Diinsuranskan")
Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)	RM 500,000 ("Jumlah Diinsuranskan A-Plus DisabilityCare (APDC)")
Manfaat Kematangan	RM 500,000
Perlindungan Tambahan	Anda boleh memilih untuk meningkatkan perlindungan anda dengan memilih rider-rider tertentu (jika berkenaan). Sila rujuk kepada PDS yang relevan untuk maklumat lebih lanjut berkenaan rider-rider yang dipilih.
A-LifeTime Secure tidak termasuk :	
Bunuh Diri - Jika kematian akibat bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian, kami akan memulangkan premium yang dibayar berdasarkan tarikh kematian tanpa faedah dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian. Selepas itu, polisi ini akan ditamatkan. Keadaan sedia ada - termasuk apa-apa hilang upaya akibat daripada keadaan fizikal atau mental dan keadaan sedia ada sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian.	
Nota: Senarai ini tidak menyeluruh . Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.	

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan pertolongan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1300-88-1899 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Lawat kami di:
<https://www.aia.com.my/bm/help-support/contact-us.html>



E-mel kami di:
my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	RM5,775.00 tahunan Jumlah premium yang perlu anda bayar dan tempoh polisi mungkin berbeza-beza bergantung pada keperluan pengunderaitan AIA Bhd.
Tempoh: Sehingga insured mencapai umur 100 tahun	
Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:	
Komisen	2.44% daripada premium atau RM9,875.25

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau polisi anda dibatalkan / ditamatkan.
- Semua perlindungan / manfaat-manfaat mungkin berbeza bergantung pada keputusan akhir penilaian pengunderaitan AIA Bhd. mengenai umur, pekerjaan dan/atau keadaan perubatan pada masa permohonan.
- Jumlah keseluruhan premium yang perlu anda bayar serta terma polisi mungkin berbeza bergantung kepada keperluan penunderaitan AIA Bhd.
- Premium bagi A-LifeTime Secure adalah terjamin, selagi tiada perubahan dibuat terhadap A-LifeTime Secure.
- Tempoh Ihsan - Anda diberi tempoh ihsan 31 hari dari tarikh akhir pembayaran bagi setiap premium berikutnya. Jika premium kekal tidak dibayar pada akhir tempoh ihsan, polisi anda mungkin luput apabila Nilai Akaun anda tidak mencukupi untuk membayar nilai tunai.
- Cukai Kerajaan Yang Berkenaan – Premium yang dibayar oleh organisasi adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.
- Lien Juvenil - Sekiranya berlaku kematian, TPD atau penyakit kritikal (yang mana berkenaan) sebelum Insured mencapai umur 4 tahun, pengurangan jumlah diinsuranskan perlu dibayar.
- **MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS DASAR YANG MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PERANCANG HAYAT AIA ANDA ATAU HUBUNGI AIA BHD. UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Nota: Senarai **tidak menyeluruh** ini. Sila rujuk kepada polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat yang sepenuhnya.



Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd.

- **Tempoh Percubaan:** Anda mempunyai hak untuk membatalkan Polisi dengan memberi AIA Bhd. notis bertulis yang ditandatangani oleh anda. Notis tersebut mesti diterima secara langsung oleh AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas kontrak e-polisi anda yang disediakan di portal pelanggan AIA. Premium yang telah anda bayar ditolak sebarang perbelanjaan yang mungkin telah ditanggung untuk sebarang pemeriksaan perubatan akan dibayar balik kepada anda. Jika dalam permohonan anda, anda memilih untuk menerima salinan kontrak polisi anda, notis tersebut mesti dibuat dalam masa 15 hari selepas anda menerima kontrak polisi anda.
- **Setelah Tempoh Percubaan:** Apabila polisi dibatalkan, nilai tunai (jika ada), ditolak sebarang keterhutangan, hendaklah dibayar. Sila pertimbangkan semula dengan teliti kerana amaun yang AIA Bhd. akan bayar kepada anda apabila anda membatalkan polisi sebelum tempoh matang polisi mungkin lebih rendah daripada jumlah premium yang telah anda bayar. Polisi tersebut kemudiannya akan ditamatkan.



LAMPIRAN

PENERANGAN PELAN:

Manfaat Kematian

- Sekiranya berlaku kematian insured, jumlah manfaat kematian iaitu 100% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan akan dibayar.
- Tempoh perlindungan untuk manfaat kematian adalah sehingga insured mencapai 100 tahun.

Manfaat Kematangan

- Pada tarikh kematangan pada umur 100 tahun, 100% daripada Jumlah Diinsuranskan Pelan Asas akan dibayar.

PENERANGAN RIDER / RIDER-RIDER:

A-Plus DisabilityCare (APDC)

- APDC memberi perlindungan bagi insured sekiranya berlaku Hilang Upaya Secara Menyeluruh dan Kekal (TPD).
- Manfaat APDC ini dikeluarkan bagi insured umur 60 tahun dan ke bawah. Jumlah Diinsuranskan APDC mungkin berbeza bergantung kepada keputusan akhir penilaian pengunderaitan AIA Bhd. terhadap umur, pekerjaan dan/atau keadaan perubatan.
- Sekiranya berlaku TPD (berlaku dari umur 16 tahun sehingga umur 65 tahun), di mana hilang upaya menepati 'Pekerjaan yang Bersesuaian' seperti yang dinyatakan dalam kontrak polisi, 10% daripada Jumlah Diinsuranskan APDC akan dibayar dalam Ulang Tahun Polisi yang pertama dan kedua sejezus selepas tarikh permulaan TPD, diikuti dengan baki 80% daripada Jumlah Diinsuranskan APDC dalam Ulang Tahun Polisi ketiga sejezus selepas tarikh permulaan TPD.
- Sekiranya berlaku TPD (berlaku pada umur 65 tahun dan ke bawah), di mana hilang upaya menepati definisi 'Kehilangan Upaya Presumptif' atau 'Sebarang Pekerjaan' seperti yang dinyatakan dalam kontrak polisi, bayaran sekaligus daripada Jumlah Diinsuranskan APDC akan dibayar.
- Jumlah Asas Diinsuranskan akan dikurangkan oleh pembayaran pendahuluan yang dibayar di bawah APDC.
- Perlindungan bagi APDC adalah sehingga umur Insured 65 tahun atau tamat tempoh Pelan Asas, yang mana lebih awal.

LAIN-LAIN:

1. Premium yang dibayar untuk pelan ini mungkin melayakkan anda mendapat pelepasan cukai peribadi, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
2. Anda perlu memastikan bahawa anda berpuas hati yang pelan ini adalah yang paling baik untuk memenuhi keperluan anda dan premium yang perlu dibayar di bawah polisi ialah amaun yang anda mampu. Jika anda perlukan penjelasan, sila hubungi AIA Bhd. atau Perancang Hayat AIA anda.
3. Manfaat-manfaat yang akan dibayar di bawah polisi adalah tertakluk kepada penolakan sebarang keterhutangan.
4. Jika anda menamatkan polisi anda pada tahun awal, anda mungkin mendapat kurang daripada amaun yang anda telah bayar.
5. Sekiranya keperluan kewangan anda berubah dari semasa ke semasa, anda mempunyai fleksibiliti untuk melaraskan perlindungan dan/atau premium anda agar lebih sesuai dengan keperluan anda. Untuk bantuan, sila hubungi AIA Bhd.
6. Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada AIA Bhd. sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
7. Tuntutan - Sila rujuk kepada web AIA Bhd. untuk memahami lebih lanjut mengenai prosedur tuntutan.

Nota: Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada kontrak polisi bagi senarai penuh terma dan syarat produk ini.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,
Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberi maklumat penting tentang insurans hayat anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

200701032867 (790895-D)

Tarikh: 12/10/2025

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1 Apakah A-Plus HospitalIncome?

A-Plus HospitalIncome (APHI) ialah rider pembayaran premium yang menawarkan perlindungan manfaat harian bagi setiap hari kemasukan ke hospital oleh Insured akibat penyakit atau kecederaan, sehingga umur Insured 70 tahun atau sehingga tamat tempoh pelan asas, yang mana lebih awal.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM 75.00 tahunan, anda akan menerima perlindungan berikut:

Perlindungan	RM50 sehari, sehingga 365 hari bagi setiap kecacatan.
--------------	--

A-Plus HospitalIncome **tidak termasuk**:

- **Keadaan sedia ada** - termasuk apa-apa hilang upaya akibat daripada keadaan fizikal atau mental dan keadaan sedia ada sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian.
- Rawatan atau pembedahan untuk Penyakit Tertentu untuk tempoh 120 hari sebaik sahaja sebelum rawatan dan pembedahan tersebut;
- Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang timbul dalam tempoh 30 hari dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula bagi rider ini, yang mana kemudian, kecuali kecederaan dilindungi;
- Sebarang keabnormalan perubatan atau fizikal yang wujud pada masa kelahiran, serta keabnormalan fizikal neonatal yang wujud dalam tempoh 6 bulan dari masa kelahiran atau sebarang keadaan kongenital atau keadaan keturunan yang telah menjadi nyata atau didiagnosis sebelum Insured mencapai umur 17 tahun;
- Kehamilan, keguguran atau melahirkan anak;
- Pembedahan plastik / kosmetik, khatan, cermin mata untuk pembetulan penglihatan, kanta sentuh, kanta intraocular kecuali kanta intraocular monofocal dalam pembedahan katarak; atau
- Rawatan pergigian melainkan perlu dilakukan akibat kemalangan.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan pertolongan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1300-88-1899 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Lawat kami di:
<https://www.aia.com.my/bm/help-support/contact-us.html>



E-mel kami di:
my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak:

Premium	RM75.00 tahunan Jumlah premium yang perlu anda bayar dan tempoh polisi mungkin berbeza-beza bergantung pada keperluan pengunderaitan AIA Bhd.
---------	---

Tempoh: Sehingga umur insured 70 tahun atau tamat tempoh pelan asas, yang mana lebih awal.

Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:

Komisen	3.29% daripada premium atau RM128.25
---------	--

4 Terma Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau polisi anda dibatalkan / ditamatkan.
- Jumlah keseluruhan premium yang perlu anda bayar serta terma polisi mungkin berbeza bergantung kepada keperluan penunderaitan AIA Bhd.
- Premium bagi A-Plus HospitalIncome adalah tidak dijamin dan AIA Bhd. berhak untuk menyemak semula premium tersebut dengan memberikan notis bertulis selama 3 bulan sebelum ulang tahun polisi yang seterusnya.
- Tempoh Ihsan - Anda diberi tempoh ihsan 31 hari dari tarikh akhir pembayaran bagi setiap premium berikutnya. Jika premium kekal tidak dibayar pada akhir tempoh ihsan, polisi anda mungkin luput melainkan polisi anda telah memperoleh nilai tunai.
- Cukai Kerajaan Yang Berkenaan – Premium yang dibayar oleh organisasi adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.

Nota: Senarai **tidak menyeluruh** ini. Sila rujuk kepada polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat yang sepenuhnya.



Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd.

- **Tempoh Percubaan:** Anda mempunyai hak untuk membatalkan rider dengan memberi AIA Bhd. notis bertulis yang ditandatangani oleh anda. Notis tersebut mesti diterima secara langsung oleh AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas kontrak e-polisi anda yang disediakan di portal pelanggan AIA. Premium yang telah anda bayar (tolak sebarang caj perubatan yang dikenakan) untuk rider ini akan dikembalikan kepada anda. Jika dalam permohonan anda, anda memilih untuk menerima salinan kontrak polisi anda, notis tersebut mesti dibuat dalam masa 15 hari selepas anda menerima kontrak polisi anda.
- **Setelah Tempoh Percubaan:** Anda boleh membatalkan rider ini dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Nilai serahan rider (jika berkenaan) akan dibayar kepada anda selepas pembatalan.



LAMPIRAN

Pembatalan:

Anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan AIA Bhd. notis bertulis. Selepas pembatalan, anda mungkin layak untuk mendapatkan pulangan sebahagian daripada premium anda, dengan syarat tiada tuntutan dibuat ke atas rider.

Tempoh dari ulang tahun polisi, tidak melebihi	Mod Pembayaran Premium			
	Tahunan	Setengah Tahunan	Suku Tahunan	Bulanan
15 hari*	90%	80%	70%	Tiada pengembalian
1 bulan	80%	70%	50%	
2 bulan	70%	50%	20%	
3 bulan	60%	30%	Tiada pengembalian	
4 bulan	50%	20%	50%	
5 bulan	40%	10%	20%	
6 bulan	30%	Tiada pengembalian	Tiada pengembalian	
7 bulan	25%	70%	50%	
8 bulan	20%	50%	20%	
9 bulan	15%	30%	Tiada pengembalian	
10 bulan	10%	20%	50%	
11 bulan	5%	10%	20%	
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada pengembalian	Tiada pengembalian	Tiada pengembalian	

(Nota: *tidak terpakai untuk Tahun Polisi pertama)

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,
Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberi maklumat penting tentang insurans hayat anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

200701032867 (790895-D)

Tarikh: 12/10/2025

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1 Apakah A-Plus Total AccidentShield?

A-Plus Total AccidentShield (APTAS) ialah rider pembayaran premium yang menawarkan perlindungan untuk insured sekiranya berlaku kematian atau kecederaan akibat kemalangan, sehingga umur insured 70 tahun atau tamat tempoh pelan asas, yang mana lebih awal.

Nota: Sila rujuk kepada Penerangan Rider dalam Lampiran untuk butiran lanjut.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM23.00 tahunan, anda akan menerima perlindungan / manfaat-manfaat hayat peribadi berikut:	
Manfaat Kematian Kemalangan dan Kecacatan	RM5,000 ("Jumlah Diinsuranskan APTAS")
Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)	RM5,000 ("Jumlah Diinsuranskan APTAS")
Manfaat Hilang Upaya Sementara	- Hilang upaya menyeluruh sementara, dibayar RM30 seminggu, sehingga 52 minggu. - Hilang upaya separa sementara, dibayar RM10 seminggu, sehingga 52 minggu.
Manfaat Pembayaran Balik Perubatan	Sehingga RM300
Indemniti Berganda	Sehingga RM10,000
Riot dan Civil Commotion (RCC) atas APTAS (APTAS/RCC)	RM5,000
A-Plus Total AccidentShield tidak termasuk: - Serangan atau pembunuhan (melainkan dilindungi oleh Riot dan Civil Commotion (RCC)); - Rusuhan dan keganasan awam, tindakan industri atau kegiatan penganas (melainkan dilindungi oleh Riot dan Civil Commotion (RCC)); - Pendedahan kepada bahaya secara sengaja atau cubaan pemusnahan diri atau kecederaan diri semasa siaman ataupun tidak siaman; - Peperangan, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, atau revolusi; - Perkhidmatan dalam sebarang angkatan bersenjata semasa peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau semasa menjalani perintah untuk operasi yang menyerupai peperangan atau pemulihan ketenteraman awam; - Perlanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang daripada ditahan; - Terlibat dalam sebarang pergaduhan atau perkelahian; atau - Kemalangan yang berlaku ketika atau kerana Insured dipengaruhi oleh alkohol, sebarang dadah yang bukan dipreskripsikan atau dadah haram.	
Nota: Senarai ini tidak menyeluruh . Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.	

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan pertolongan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1300-88-1899 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Lawat kami di:
<https://www.aia.com.my/bm/help-support/contact-us.html>



E-mel kami di:
my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	RM23.00 tahunan Jumlah premium yang perlu anda bayar dan tempoh polisi mungkin berbeza-beza bergantung pada keperluan pengunderaitan AIA Bhd.
Tempoh: Sehingga umur insured 70 tahun atau tempoh pembayaran premium Pelan Asas, yang mana lebih awal	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Komisen	4.27% daripada premium atau RM39.33

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur yang betul. Jika tidak, anda berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau polisi anda ditamatkan / dibatalkan.
- Premium bagi A-Plus Total AccidentShield adalah tidak dijamin dan AIA Bhd. berhak untuk menyemak atau melaraskan premium tersebut berdasarkan penilaian risiko oleh AIA Bhd. pada waktu pembaharuan tersebut.
- Tempoh Ihsan - Anda diberi tempoh ihsan 31 hari dari tarikh akhir pembayaran bagi setiap premium berikutnya. Jika premium kekal tidak dibayar pada akhir tempoh ihsan, polisi anda mungkin luput melainkan polisi anda telah memperoleh nilai tunai.
- Cukai Kerajaan Yang Berkenaan – Premium yang dibayar oleh organisasi adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.

Nota: Senarai **tidak menyeluruh** ini. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat yang sepenuhnya.



Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd.

- **Tempoh Percubaan:** Anda mempunyai hak untuk membatalkan rider dengan memberi AIA Bhd. notis bertulis yang ditandatangani oleh anda. Notis tersebut mesti diterima secara langsung oleh AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas kontrak e-polisi anda yang disediakan di portal pelanggan AIA. Premium yang telah anda bayar (tolak sebarang caj perubatan yang dikenakan) untuk rider ini akan dikembalikan kepada anda. Jika dalam permohonan anda, anda memilih untuk menerima salinan kontrak polisi anda, notis tersebut mesti dibuat dalam masa 15 hari selepas anda menerima kontrak polisi anda.
- **Setelah Tempoh Percubaan:** Anda boleh membatalkan rider ini dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Nilai serahan rider (jika berkenaan) akan dibayar kepada anda selepas pembatalan.



LAMPIRAN

PENERANGAN RIDER / RIDER-RIDER:

A-Plus Total AccidentShield (APTAS)

- APTAS adalah rider pembayaran premium yang memberi perlindungan bagi kematian atau kecederaan akibat kemalangan.
- Senarai manfaat-manfaat yang dilindungi di bawah APTAS adalah seperti berikut:
 - Manfaat Kematian Kemalangan dan Kecacatan
 - Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal
 - Manfaat Hilang Upaya Sementara
 - Manfaat Pembayaran Balik Perubatan
 - Perlindungan Berganda
- Perlindungan bagi APTAS adalah sehingga umur Insured 70 tahun atau tamat tempoh Pelan Asas, yang mana lebih awal.

Riot dan Civil Commotion (RCC) atas APTAS (APTAS/RCC)

- Manfaat RCC boleh didapati dengan APTAS untuk memberi perlindungan bagi kemalangan akibat serangan, pembunuhan, rusuhan dan keganasan awam.
- Perlindungan bagi RCC atas APTAS adalah sehingga umur Insured 70 tahun atau tamat tempoh Pelan Asas, yang mana lebih awal.

Manfaat Kematian Kemalangan dan Kecacatan	
Jadual Manfaat-manfaat	
Penerangan Kecederaan	% daripada Jumlah Diinsuranskan APTAS
Kehilangan Nyawa	100
Kehilangan penglihatan sebelah atau kedua-dua belah mata yang menyeluruh dan	100
Kehilangan atau kehilangan kegunaan satu atau dua anggota tangan atau kaki yang menyeluruh dan kekal	100
Kehilangan pertuturan dan pendengaran yang menyeluruh dan kekal	100
Ketidaksiuman yang kekal dan tidak boleh dipulihkan	100
Kelumpuhan menyeluruh dan kekal	100
Kehilangan pendengaran yang menyeluruh dan kekal	
- kedua-dua belah telinga	75
- sebelah telinga	25
Kehilangan pertuturan yang menyeluruh dan kekal	50
Kehilangan kanta sebelah mata yang menyeluruh dan kekal	50
Kehilangan atau kehilangan penggunaan empat jari dan ibu jari yang menyeluruh dan kekal	
- tangan kanan	70
- tangan kiri	50
Kehilangan atau kehilangan penggunaan empat jari yang menyeluruh dan kekal	
- tangan kanan	40
- tangan kiri	30
Kehilangan atau kehilangan penggunaan satu ibu jari yang menyeluruh dan kekal	
- kedua-dua falanks kanan	30
- satu falanks kanan	15
- kedua-dua falanks kiri	20
- satu falanks kiri	10
Kehilangan atau kehilangan penggunaan jari tangan yang menyeluruh dan kekal	
- tiga falanks kanan	10
- dua falanks kanan	7.5
- satu falanks kanan	5
- tiga falanks kiri	7.5
- dua falanks kiri	5
- satu falanks kiri	2

Manfaat Kematian Kemalangan dan Kecacatan	
Jadual Manfaat-manfaat	
Penerangan Kecederaan	% daripada Jumlah Diinsuranskan APTAS
Kehilangan atau kehilangan penggunaan jari kaki yang menyeluruh dan kekal	
- semua jari - kaki	15
- ibu jari kaki - dua falanks	5
- ibu jari kaki - satu falanks	3
- mana-mana jari kaki lain, setiap satu	2
Kaki atau petala patah yang tidak dapat bercantum sama sekali walaupun dengan rawatan perubatan yang sewajarnya selepas 26 minggu dari tarikh Kemalangan	10
Pemendekkan kaki sekurang-kurangnya 5cm	7.5

Jika Insured adalah kidal, peratusan yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat-manfaat di atas untuk pelbagai kehilangan upaya bagi tangan kanan akan diterbalikkan dengan tangan kiri. Sekiranya lebih daripada satu kehilangan berlaku akibat kemalangan yang sama di bawah Jadual Manfaat-manfaat di atas, Insured akan layak untuk kehilangan yang membayar manfaat tertingg

Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal
100% daripada Jumlah Diinsuranskan APTAS (ditolak dengan amaun lain yang telah dibayar atau perlu dibayar di bawah Manfaat Kematian Kemalangan dan Kecacatan dan Manfaat Hilang Upaya Sementara akibat kemalangan yang sama) akan dibayar sekiranya hilang upaya disebabkan oleh kecederaan dalam tempoh 90 hari dari tarikh kemalangan itu berterusan untuk tempoh 12 bulan berturut-turut.

Manfaat Hilang Upaya Sementara
Dengan syarat tiada kehilangan di bawah Jadual Manfaat di atas telah dibayar dan tempoh hilang upaya adalah tidak kurang daripada 1 minggu, APTAS akan membayar manfaat yang berkenaan jika Insured mengalami kecederaan tubuh badan dan kecederaan itu menyebabkan hilang upaya sementara berikut dalam tempoh 90 hari dari tarikh kemalangan:
- Hilang upaya menyeluruh sementara, 0.6% daripada Jumlah Diinsuranskan APTAS dibayar secara mingguan, sehingga 52 minggu.
- Hilang upaya sebahagian sementara, 0.2% daripada Jumlah Diinsuranskan APTAS dibayar secara mingguan, sehingga 52 minggu.

Manfaat Pembayaran Balik Perubatan
Jika Insured mengalami kecederaan dan dalam tempoh 90 hari dari tarikh kemalangan, menyebabkan Insured:
- memerlukan rawatan daripada pakar perubatan,
- kemasukan ke hospital, atau
- memerlukan pengupahan jururawat yang berlesen atau jururawat siswazah
Pembayaran balik perbelanjaan perubatan sebenar yang dikenakan dalam tempoh 52 minggu dari tarikh kemalangan akan dibayar, tertakluk kepada maksimum 6% daripada Jumlah Diinsuranskan APTAS.

Perlindungan Berganda
Manfaat Kematian Kemalangan dan Kecacatan, Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, Manfaat Hilang Upaya Sementara dan Pembayaran Balik Perubatan [^] akan digandakan sekiranya kecederaan kemalangan berlaku di bawah mana-mana keadaan berikut:
- Semasa Insured menaiki sebagai penumpang tambang berbayar bagi suatu pengangkutan darat awam berlesen komersial melalui laluan tetap seperti bas atau kereta api. (Teksi atau sebarang bentuk pengangkutan bercarter untuk perjalanan peribadi dikecualikan).
- Semasa Insured berada dalam elevator (elevator di lombong dan di tapak pembinaan adalah dikecualikan).
- Akibat langsung daripada kebakaran bangunan awam.
[^] Pembayaran akan dibuat berdasarkan perbelanjaan sebenar yang ditanggung tetapi tertakluk kepada maksimum 12% daripada Jumlah Diinsuranskan APTAS

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,
Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberi maklumat penting tentang insurans hayat anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

200701032867 (790895-D)

Tarikh: 12/10/2025

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1 Apakah A-Plus AccidentShield?

A-Plus AccidentShield (APAS) ialah rider pembayaran premium yang menawarkan perlindungan untuk insured sekiranya berlaku kematian atau kecederaan akibat kemalangan, sehingga umur insured 70 tahun atau tamat tempoh pelan asas, yang mana lebih awal.

Nota: Sila rujuk kepada Penerangan Rider dalam Lampiran untuk butiran lanjut.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM20.00 tahunan, anda akan menerima perlindungan / manfaat-manfaat hayat peribadi berikut:	
Manfaat Kematian Kemalangan dan Kecacatan	RM10,000 ("Jumlah Diinsuranskan APAS")
Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal	RM10,000 ("Jumlah Diinsuranskan APAS")
Indemniti Berganda	Sehingga RM20,000
Riot dan Civil Commotion (RCC) atas APAS (APAS/RCC)	RM10,000
A-Plus AccidentShield tidak termasuk: - Serangan atau pembunuhan (melainkan dilindungi oleh Riot dan Civil Commotion (RCC)); - Rusuhan dan keganasan awam, tindakan industri atau kegiatan penganas (melainkan dilindungi oleh Riot dan Civil Commotion (RCC)); - Pendedahan kepada bahaya secara sengaja atau cubaan pemusnahan diri atau kecederaan diri semasa siaman ataupun tidak siaman; - Peperangan, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, atau revolusi; - Perkhidmatan dalam sebarang angkatan bersenjata semasa peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau semasa menjalani perintah untuk operasi yang menyerupai peperangan atau pemulihan ketenteraman awam; - Perlanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang daripada ditahan; - Terlibat dalam sebarang pergaduhan atau perkelahian; atau - Kemalangan yang berlaku ketika atau kerana Insured dipengaruhi oleh alkohol, sebarang dadah yang bukan dipreskripsikan atau dadah haram.	
Nota: Senarai ini tidak menyeluruh . Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.	

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan pertolongan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1300-88-1899 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Lawat kami di:
<https://www.aia.com.my/bm/help-support/contact-us.html>



E-mel kami di:
my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	RM20.00 tahunan Jumlah premium yang perlu anda bayar dan tempoh polisi mungkin berbeza-beza bergantung pada keperluan pengunderaitan AIA Bhd.
Tempoh: Sehingga umur insured 70 tahun atau tempoh pembayaran premium Pelan Asas, yang mana lebih awal	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Komisen	4.28% daripada premium atau RM34.20

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur yang betul. Jika tidak, anda berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau polisi anda ditamatkan / dibatalkan.
- Premium bagi A-Plus AccidentShield adalah tidak dijamin dan AIA Bhd. berhak untuk menyemak atau melaraskan premium tersebut berdasarkan penilaian risiko oleh AIA Bhd. pada waktu pembaharuan tersebut.
- Tempoh Ihsan - Anda diberi tempoh ihsan 31 hari dari tarikh akhir pembayaran bagi setiap premium berikutnya. Jika premium kekal tidak dibayar pada akhir tempoh ihsan, polisi anda mungkin luput melainkan polisi anda telah memperoleh nilai tunai.
- Cukai Kerajaan Yang Berkenaan – Premium yang dibayar oleh organisasi adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.

Nota: Senarai **tidak menyeluruh** ini. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat yang sepenuhnya.



Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd.

- **Tempoh Percubaan:** Anda mempunyai hak untuk membatalkan rider dengan memberi AIA Bhd. notis bertulis yang ditandatangani oleh anda. Notis tersebut mesti diterima secara langsung oleh AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas kontrak e-polisi anda yang disediakan di portal pelanggan AIA. Premium yang telah anda bayar (tolak sebarang caj perubatan yang dikenakan) untuk rider ini akan dikembalikan kepada anda. Jika dalam permohonan anda, anda memilih untuk menerima salinan kontrak polisi anda, notis tersebut mesti dibuat dalam masa 15 hari selepas anda menerima kontrak polisi anda.
- **Setelah Tempoh Percubaan:** Anda boleh membatalkan rider ini dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Nilai serahan rider (jika berkenaan) akan dibayar kepada anda selepas pembatalan.



LAMPIRAN

PENERANGAN RIDER / RIDER-RIDER:

A-Plus AccidentShield (APAS)

- APAS adalah rider pembayaran premium yang memberi perlindungan bagi kematian atau kecederaan akibat kemalangan.
- Senarai manfaat-manfaat yang dilindungi di bawah APAS adalah seperti berikut:
 - Manfaat Kematian Kemalangan dan Kecacatan
 - Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal
 - Perlindungan Berganda
- Perlindungan bagi APAS adalah sehingga umur Insured 70 tahun atau tamat tempoh Pelan Asas, yang mana lebih awal.

Riot dan Civil Commotion (RCC) atas APAS (APAS/RCC)

- Manfaat RCC boleh didapati dengan APAS untuk memberi perlindungan bagi kemalangan akibat serangan, pembunuhan, rusuhan dan keganasan awam.
- Perlindungan bagi RCC atas APAS adalah sehingga umur Insured 70 tahun atau tamat tempoh Pelan Asas, yang mana lebih awal.

Manfaat Kematian Kemalangan dan Kecacatan	
Jadual Manfaat-manfaat	
Penerangan Kecederaan	% daripada Jumlah Diinsuranskan APAS
Kehilangan Nyawa	100
Kehilangan penglihatan sebelah atau kedua-dua belah mata yang menyeluruh dan kekal	100
Kehilangan atau kehilangan kegunaan satu atau dua anggota tangan atau kaki yang menyeluruh dan kekal	100
Kehilangan pertuturan dan pendengaran yang menyeluruh dan kekal	100
Ketidaksiuman yang kekal dan tidak boleh dipulihkan	100
Kelumpuhan menyeluruh dan kekal	100
Kehilangan pendengaran yang menyeluruh dan kekal	
- kedua-dua belah telinga	75
- sebelah telinga	25
Kehilangan pertuturan yang menyeluruh dan kekal	50
Kehilangan kanta sebelah mata yang menyeluruh dan kekal	50
Kehilangan atau kehilangan penggunaan empat jari dan ibu jari yang menyeluruh dan kekal	
- tangan kanan	70
- tangan kiri	50
Kehilangan atau kehilangan penggunaan empat jari yang menyeluruh dan kekal	
- tangan kanan	40
- tangan kiri	30
Kehilangan atau kehilangan penggunaan satu ibu jari yang menyeluruh dan kekal	
- kedua-dua falanks kanan	30
- satu falanks kanan	15
- kedua-dua falanks kiri	20
- satu falanks kiri	10
Kehilangan atau kehilangan penggunaan jari tangan yang menyeluruh dan kekal	
- tiga falanks kanan	10
- dua falanks kanan	7.5
- satu falanks kanan	5
- tiga falanks kiri	7.5
- dua falanks kiri	5
- satu falanks kiri	2
Kehilangan atau kehilangan penggunaan jari kaki yang menyeluruh dan kekal	
- semua jari - kaki	15
- ibu jari kaki - dua falanks	5
- ibu jari kaki - satu falanks	3
- mana-mana jari kaki lain, setiap satu	2

Manfaat Kematian Kemalangan dan Kecacatan	
Jadual Manfaat-manfaat	
Penerangan Kecederaan	% daripada Jumlah Diinsuranskan APAS
Kaki atau petala patah yang tidak dapat bercantum sama sekali walaupun dengan rawatan perubatan yang sewajarnya selepas 26 minggu dari tarikh Kemalangan	10
Pemendekkan kaki sekurang-kurangnya 5cm	7.5

Jika Insured adalah kidal, peratusan yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat-manfaat di atas untuk pelbagai kehilangan upaya bagi tangan kanan akan diterbalikkan dengan tangan kiri. Sekiranya lebih daripada satu kehilangan berlaku akibat kemalangan yang sama di bawah Jadual Manfaat-manfaat di atas, Insured akan layak untuk kehilangan yang membayar manfaat tertinggi.

Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal
100% daripada Jumlah Diinsuranskan APAS (ditolak dengan amaun lain yang telah dibayar atau perlu dibayar di bawah Manfaat Kematian Kemalangan dan Kecacatan akibat kemalangan yang sama) akan dibayar sekiranya hilang upaya disebabkan oleh kecederaan dalam tempoh 90 hari dari tarikh kemalangan itu berterusan untuk tempoh 12 bulan berturut-turut.

Perlindungan Berganda
Manfaat Kematian Kemalangan dan Kecacatan dan Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akan digandakan sekiranya kecederaan kemalangan berlaku di bawah mana-mana keadaan berikut:
- Semasa Insured menaiki sebagai penumpang tambang berbayar bagi suatu pengangkutan darat awam berlesen komersial melalui laluan tetap seperti bas atau kereta api. (Teksi atau sebarang bentuk pengangkutan bercarter untuk perjalanan peribadi dikecualikan).
- Semasa Insured berada dalam elevator (elevator di lombong dan di tapak pembinaan adalah dikecualikan).
- Akibat langsung daripada kebakaran bangunan awam.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,
Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang insurans berkaitan perubatan dan kesihatan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

200701032867 (790895-D)

Tarikh: 12/10/2025

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/product yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1 Apakah A-Plus CriticalCare?

A-Plus CriticalCare ialah Rider Pembayaran Premium (PPR) yang memberi perlindungan bagi 39 penyakit kritikal. Pembayaran daripada rider ini akan mengurangkan Jumlah Diinsuranskan Asas anda.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM 59.30 tahunan, anda akan menerima **perlindungan** berikut:

Manfaat Penyakit Kritikal	RM10,000 ("Jumlah Diinsuranskan Rider")
	Sekiranya Insured didiagnosis dengan salah satu daripada penyakit kritikal yang dilindungi, Jumlah Diinsuranskan Rider akan dibayar.
	Nota: Bayaran untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari adalah terhad kepada 10% daripada Jumlah Diinsuranskan Rider, tertakluk kepada maksimum RM25,000. Pembayaran ini akan mengurangkan Jumlah Diinsuranskan Rider dan Jumlah Diinsuranskan Asas.

Penyakit kritikal yang dilindungi di bawah rider ini termasuk:

- Kanser
- Strok
- Serangan jantung

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila baca kontrak polisi anda untuk mendapatkan butiran tentang penyakit kritikal yang dilindungi.

Rider anda **tidak termasuk**:

- Syarat Sedia Ada sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
- Kanser, Serangan Jantung, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari yang Serius dan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, yang mana tanda atau gejala pertama kali berlaku dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
- Semua penyakit kritikal lain yang tanda atau gejala pertama kali berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
- Penyakit kritikal yang didiagnosis secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh kecacatan kongenital atau penyakit yang telah nyata atau didiagnosis sebelum umur tujuh belas (17) tahun;
- Diagnosis Hepatitis Viral Fulminan, Kanser, Encephalitis, Meningitis Bakteria, Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk atau Penyakit Terminal secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan oleh mana-mana Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV); dan
- Penyakit kritikal yang disebabkan oleh kecederaan yang dilakukan oleh diri sendiri.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan pertolongan mengenai insurans perubatan dan kesihatan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1300-88-1899 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Lawat kami di:
<https://www.aia.com.my/bm/our-products/health-protection/critical-illness-protection/a-plus-criticalcare.html>



E-mel kami di:
my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk rider anda, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	RM59.30 tahunan
Tempoh: Sehingga umur 100 tahun	
Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:	
Komisen	2.44% daripada jumlah premium perlu bayar atau RM101.41

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau polisi anda dibatalkan / ditamatkan.
- Jumlah premium yang anda perlu bayar dan terma polisi mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan AIA Bhd.
- Pertukaran pelan – Mungkin tidak berfaedah untuk beralih dari satu pelan insurans ke yang lain, kerana anda mungkin tertakluk kepada keperluan pengunderaitan baru dan tempoh menunggu untuk polisi baru.
- Tuntutan – Sila rujuk kepada web AIA Bhd. untuk memahami lebih lanjut mengenai prosedur tuntutan.
- Premium rider ini tidak dijamin. AIA Bhd. berhak untuk menyemak semula premium dengan memberi anda notis bertulis tiga (3) bulan sebelum Ulang Tahun Polisi seterusnya.
- **Tempoh Perlindungan:** Sehingga umur Insured 100 tahun atau tamat tempoh pelan asas, yang mana lebih awal.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda mesti rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai terma-terma dan syarat-syarat yang sepenuhnya.

Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd.

- **Tempoh Percubaan:** Anda mempunyai hak untuk membatalkan rider dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Notis tersebut mesti diterima terus oleh AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas kontrak e-polisi anda disediakan di portal pelanggan AIA. Premium yang telah anda bayar (tolak sebarang yuran perubatan yang ditanggung) untuk rider ini akan dikembalikan kepada anda. Jika dalam permohonan anda, anda telah memilih untuk menerima salinan cetak kontrak polisi anda, notis tersebut mesti diberikan dalam tempoh 15 hari selepas anda menerima kontrak polisi anda.
- **Selepas Tempoh Percubaan:** Anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Selepas pembatalan, anda mungkin layak mendapat bayaran balik sebahagian premium anda, dengan syarat tiada tuntutan dibuat di bawah rider. Sila rujuk kepada Lampiran untuk butiran mengenai jumlah bayaran balik.



LAMPIRAN

PENERANGAN RIDER:

A-Plus CriticalCare (APCC)

- APCC ialah Rider Pembayaran Premium (PPR) yang memberi perlindungan bagi 39 penyakit kritikal.
- Sekiranya Insured didiagnosis dengan salah satu daripada penyakit kritikal yang dilindungi atau menjalani pembedahan dilindungi (kecuali Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari), Jumlah Diinsuranskan Rider akan dibayar.
- Sekiranya berlaku Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, 10% daripada Jumlah Diinsuranskan Rider akan dibayar, tertakluk kepada maksimum RM25,000 (terhad kepada satu (1) bayaran sahaja). Pembayaran ini akan mengurangkan Jumlah Diinsuranskan Rider.
- Bayaran di bawah rider ini akan mengurangkan Jumlah Diinsuranskan Asas.
- Setelah 100% daripada Jumlah Diinsuranskan Rider dibayar, rider ini akan ditamatkan.
- Senarai penyakit kritikal yang dilindungi di bawah APCC adalah seperti berikut:

1) Strok / Angin Ahmar	21) Sklerosis Multipel
2) Kanser	22) Kelumpuhan Anggota
3) Serangan Jantung	23) Distrofi Otot
4) Pembedahan Pintas Arteri Koronari	24) Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk
5) Penyakit Arteri Koronari Serius	25) Penyakit Neuron Motor
6) Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari	26) Penyakit Parkinson
7) Pembedahan Injap Jantung	27) Penyakit Terminal (Membawa Maut)
8) Hepatitis Viral Fulminan	28) Ensefalitis
9) Kegagalan Hati Tahap Akhir	29) Tumor Otak Benign
10) Hipertensi Arteri Pulmonari Primer	30) Trauma Kepala Major (Teruk)
11) Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	31) Meningitis Bakteria
12) Kegagalan Buah Pinggang	32) Pembedahan Otak
13) Pembedahan Aorta	33) Penyakit Sistik Medular
14) Anemia Aplastik Kronik	34) Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
15) Transplan Organ Utama / Sumsum Tulang	35) Jangkitan HIV melalui Transfusi Darah
16) Buta – Kekal dan Tidak Boleh Pulih	36) Kardiomiopati
17) Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih	37) AIDS dengan Gejala Penuh
18) Hilang Keupayaan Bertutur	38) Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) Dijangkiti melalui Pekerjaan
19) Koma	39) Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
20) Kelecuman Tahap Ketiga	

Pembatalan:

Anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan AIA Bhd. notis bertulis. Selepas pembatalan, anda mungkin layak untuk mendapatkan pulangan sebahagian daripada premium anda, dengan syarat tiada tuntutan dibuat ke atas rider.

Tempoh dari ulang tahun polisi, tidak melebihi	Mod Pembayaran Premium			
	Tahunan	Setengah Tahunan	Suku Tahunan	Bulanan
15 hari*	90%	80%	70%	Tiada pengembalian
1 bulan	80%	70%	50%	
2 bulan	70%	50%	20%	
3 bulan	60%	30%	Tiada pengembalian	
4 bulan	50%	20%	50%	
5 bulan	40%	10%	20%	
6 bulan	30%	Tiada pengembalian	Tiada pengembalian	
7 bulan	25%	70%	50%	
8 bulan	20%	50%	20%	
9 bulan	15%	30%	Tiada pengembalian	
10 bulan	10%	20%	50%	
11 bulan	5%	10%	20%	
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada pengembalian	Tiada pengembalian	Tiada pengembalian	

(Nota: *tidak terpakai untuk tahun polisi pertama)